

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN**

**TARIKH : 1 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 9993**

**SOALAN:**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan para ejen pelancongan mengenakan caj yang tinggi dalam menguruskan permohonan E-Visa oleh pelancong-pelancong asing yang menyebabkan halangan ketibaan lebih ramai pelancong ke negara kita, apakah langkah Kerajaan untuk menyekat amalan ini termasuk memperkenalkan visa terbuka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Visa elektronik (e-VISA) merupakan kemudahan yang diperkenalkan untuk memudahkan urusan permohonan visa pelancong ke Malaysia secara atas talian tanpa perlu hadir ke Pejabat Perwakilan Malaysia atau menggunakan perkhidmatan agen. Selain itu, kemudahan seperti *Visa on Arrival (VoA)* dan transit visa juga turut ditawarkan kepada pelancong-pelancong sebagai alternatif untuk mendapatkan visa Malaysia.**